

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 20 JUN 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	TPM nafi khabar angin letak jawatan	Berita Harian
2	TPM sangkal letak jawatan	Kosmo
3	Isu penentuan agama anak perlu adil dan saksama - Muhyiddin	Bernamea.com
4	Ministries finalise details on Board of Technologies	The Malay Mail
5	Kementerian Kerja Raya dan MOSTI bincang penubuhan MBOT	Bernamea.com
6	KL and Selangor spared from haze for now	The Malay Mail
7	Boat tragedy No.2	The Sun
8	Gempa kuat melanda Kepulauan Vanuatu	Bernamea.com
9	Hands-on science	The Star
10	Jutawan ubat racun	Harian Metro

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 20 JUN 2014 (JUMAAT)



Muhyiddin menerima lukisan daripada Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali selepas menutup Persidangan Antarabangsa Majlis Sains Asia Ke-14, di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

# TPM nafi khabar angin letak jawatan

» Kedudukan tidak pernah dibincang, dibangkitkan

Oleh Haika Khazi  
mfaizul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam menafikan khabar angin kononnya beliau akan meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam masa terdekat, bagi memberi sepenuh per-

hatian kepada UMNO.

Muhyiddin berkata, beliau akan terus memberikan perkhidmatan dan memegang jawatan nombor dua itu selagi khidmatnya diperlukan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

## Rombakan hak PM

“Rombakan Kabinet kemungkinan ada kerana itu adalah hak Perdana Menteri dan beliau sudah menyatakan akan membawa masuk beberapa pemimpin politik dari MCA dan GERAKAN dalam Kabinetnya.

“Apa pun dari segi kedudukan saya terserah kepada beliau (Najib). Bagaimanapun,

selama berada dalam Kabinet, biasanya saya akan berbincang terlebih dahulu dengan Perdana Menteri sebelum membuat sebarang keputusan.

“Setakat hari ini (semalam) soal kedudukan saya selaku Timbalan Perdana Menteri tidak pernah dibincang atau dibangkitkan,” katanya pada sidang media selepas menutup Persidangan Antarabangsa Majlis Sains Asia Ke-14, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas khabar angin bertiup kencang di laman blog dan media sosial kononnya beliau akan meletak jawatan dalam masa terdekat dan tem-

“  
Setakat hari ini (semalam) soal kedudukan saya selaku Timbalan Perdana Menteri tidak pernah dibincang atau dibangkitkan”

Muhyiddin Yassin,  
Timbalan Perdana Menteri

patnya bakal digantikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang juga Naib Presiden UMNO.

Muhyiddin berkata, beliau tidak menolak kemungkinan khabar angin itu sengaja disebarkan pihak tertentu yang tidak senang melihat hubungan baiknya dengan kerajaan terutama Perdana Menteri.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan tindakan itu dilakukan oleh pihak tertentu kerana mereka kurang berpuas hati melihat sokongan rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Najib kini semakin meningkat selepas pilihan raya umum lalu.

“Soal kedudukan saya terserah kepada beliau (Perdana Menteri), tapi selama masa saya berada dalam Kabinet, beliau dah biasa berbincang dengan saya. Kalau ada apa-apa berkaitan masa depan saya pun, saya akan bincang dengan Perdana Menteri dari hati ke hati,” katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin mengingatkan semua pihak mengenai kepentingan kestabilan parti dan kerajaan yang akan menjurus kepada kestabilan negara.

# TPM sangkal letak jawatan



MUHYIDDIN (dua dari kanan) bersalaman dengan Tajuddin (kanan) pada majlis penutup Persidangan Antarabangsa Majlis Sains Asia Ke-14 di Kuala Lumpur semalam.

## TPM sangkal letak jawatan

Oleh MAHFUZ MOHAMAD  
mahfuz.mohamad@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyangkal dakwaan laporan sebuah laman blog menyatakan beliau akan meletakkan jawatan dan akan memupuk sepenuh perhatian kepada UMNO berikutan rombakan kabinet yang akan dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam masa terdekat.

Menurut beliau, dakwaan seperti itu merupakan usaha pihak tertentu yang tidak senang hati melihat hubungan baik beliau dalam kerajaan dan parti, terutamanya dengan Perdana

Menteri sendiri.

Katanya, kedudukan kerajaan yang semakin kukuh, ditambah dengan sokongan rakyat yang bertambah padu selepas Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan 31 Mei lalu menjadi penyebab tersebarinya khabar angin tersebut.

"Isu rombakan Kabinet adalah hak Perdana Menteri yang mungkin akan dilakukan kerana beliau telah pun menyatakan akan membawa masuk beberapa pemimpin daripada MCA dan Gerakan.

"Selama berada dalam Kabinet, beliau (Perdana Menteri) biasa berbincang dengan saya, jadi setakat hari ini, tidak ada yang dibangkitkan mengenai kedudukan saya," katanya.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, khabar angin itu sengaja disebarkan bagi menimbulkan spekulasi antara beliau dengan individu tertentu dalam Barisan Nasional.

"Saya yakin ahli-ahli parti tidak akan mudah terpengaruh dengan khabar angin ini" katanya selepas majlis penutup Persidangan Antarabangsa Majlis Sains Asia Ke-14 di sini semalam.

Turut hadir **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**; Presiden Majlis Sains Asia, Profesor Emeritus Dr. Mohd. Nordin Hasan dan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.



## **Isu Penentuan Agama Anak Perlu Adil Dan Saksama - Muhyiddin**

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pendekatan yang adil dan saksama harus menjadi keutamaan dalam setiap perbincangan melibatkan hal penentuan agama seseorang anak, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Namun, katanya ia harus bersandarkan kepada Perlembagaan negara.

"Sebab di Malaysia kita mempunyai pelbagai kumpulan masyarakat, agama... (jadi) ada beberapa perkara yang perlu kita ambil supaya tidak menimbulkan masalah dan kekeliruan.

"Apa pun perkaranya, mesti ada pendekatan yang boleh diterima baik oleh semua pihak," katanya kepada pemberita selepas menutup Persidangan Antarabangsa Majlis Sains Asia Ke-14 di sini, pada Khamis.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom di Parlimen semalam bahawa Perlembagaan Persekutuan membenarkan agama seorang anak di bawah umur 18 tahun ditentukan oleh ibu atau bapa masing-masing.

Jamil Khir berkata kerajaan juga tidak bercadang untuk meminda peruntukan mengikut Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan itu.

Mengulas titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini bahawa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) perlu merujuk kepada pendakwa raya sama ada perlu memulangkan atau melupuskan kitab Bible yang dirampas daripada Persatuan Bible Malaysia, Muhyiddin berkata titah itu haruslah dipatuhi.

"Itu titah Sultan dan mengikut undang-undang, enakmen dan juga kuasa agama di bawah negeri, Sultan adalah punca kuasa.

"Jadi, apapun titah dan nasihat Sultan di Selangor, pihak bertanggungjawab sama ada Menteri Besar atau Majlis Agama Islam Selangor harus patuhi," katanya.

Mengenai Persidangan Antarabangsa Majlis Sains Asia itu, Muhyiddin berkata kerjasama antara ahli-ahli sains dan kerajaan penting dalam memastikan pembangunan negara yang mampan.

Selepas banyak modal dibelanjakan dalam usaha itu, katanya tumpuan utama kini perlu diberi kepada aspek keberkesanan setiap program yang telah dijalankan.

"Bila persidangan seperti ini diadakan, kita boleh dapat pandangan baharu yang langkah-langkah yang diambil oleh seluruh pihak berkepentingan akan membawa kesan dan menjamin masa depan yang lebih baik dan selamat," katanya.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Akademi Sains Malaysia](#), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) serta Majlis Sains Antarabangsa.

Turut hadir pada majlis itu ialah [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#), Presiden Majlis Sains Asia Prof Emeritus Dr Mohd Nordin Hasan dan Presiden Majlis Sains Jepun Prof Dr Takashi Onishi.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 20 JUN 2014 (JUMAAT)**

**Ministries finalise  
details on  
Board of Technologist**

**KUCHING** — The Works Ministry and the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) are finalising details on the setting up of the Malaysian Board of Technologist (Mbot) to serve as a mechanism for the recognition and accreditation of technologist as a profession. Works Minister Datuk Fadillah Yusof said the board was proposed by the Malaysian Society for Engineering and Technology (MySET), which assisted the Malaysian Board of Engineers to obtain signatory status under the Washington Accord for Malaysian engineering degrees to be recognised internationally. — Bernama



## **Kementerian Kerja Raya Dan Mosti Bincang Penubuhan MBOT**

KUCHING, 19 Jun (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya serta [Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) sedang berbincang bagi memuktamadkan penubuhan Lembaga Ahli Teknologi Malaysia bertujuan mewujudkan sebuah badan profesional khusus bagi mengiktiraf profesion ahli teknologi dalam negara.

Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof berkata hasrat penubuhan MBOT itu diusulkan oleh Persatuan Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (MySET), bertujuan membolehkan ahli teknologi, termasuk para ahli teknikal, mendapat pengiktirafan profesional.

Beliau berkata MySET, badan yang menghimpunkan kumpulan profesional terbesar negara, sebelum ini membantu Lembaga Jurutera Malaysia mendapatkan status 'penandatanganan penuh' Washington Accord, yang membolehkan ijazah kejuruteraan Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Menurutnya badan itu juga sedang membantu usaha memperoleh status penandatanganan penuh bagi Sydney dan Dublin Accord, yang akan membolehkan kelayakan ahli teknikal dan ahli teknologi kejuruteraan negara mendapat pengiktirafan antarabangsa.

"Ini yang sedang diusahakan MySET, dan usaha mereka itu nanti kita akan bincang lagi, dan kita lihat siapa yang paling sesuai untuk bawa perkara ini, sama ada Kementerian Kerja Raya atau Mosti," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan seminar 'Professional Technician' di sini Khamis.

Sementara itu Fadillah berkata untuk bergerak ke arah sebuah negara maju, ia menuntut tenaga kerja yang boleh berfikir di luar daripada batasan rutin kerja harian biasa.

Beliau berkata ia memerlukan para pekerja yang berdaya saing dan boleh berfikir jauh ke hadapan, bagi membolehkan pekerja berkenaan menambah baik perkhidmatannya, sekali gus menyumbang kepada penambahbaikan industri yang diceburi.

"Bagi melahirkan pekerja sebegini, semua pihak kena main peranan, termasuk institut latihan perindustrian, IPT, persatuan profesional, semua sektor kena main peranan untuk melahirkan tenaga kerja yang benar-benar profesional. Inilah sistem yang dilaksanakan dalam agenda transformasi negara.

"Untuk bergerak sebagai sebuah negara maju, acuannya ialah kita kena bersaing. Bagi tujuan itu kita tidak boleh bergerak atau bekerja macam biasa, kita kena memikir melangkaui kerja-kerja biasa," tambahnya.

## KL and Selangor spared from haze for now



A Malaysian Maritime Enforcement Agency personnel in hazy Port Klang yesterday. The Malaysian Meteorological Department says the situation does not pose any danger for now. — Picture by Ahmad Zamzahuri

**KUALA LUMPUR** — The Malaysian Meteorological Department has said the Air Pollutant Index (API) readings for parts of Kuala Lumpur and Selangor pose no danger.

API readings for Kuala Lumpur have reached an unhealthy index of 113 while parts of Selangor indexed an average of 70.

According to a department spokesman, the misty skylines are not due to polluting elements but a hyper-condensation of water particles due to the current dry spell.

“The ozone layers generally thicken during mid-afternoons as a result of direct sunlight and heat and water particles remain trapped due to poor wind conditions,” said the spokesman.

The department also confirmed that open burning in Malaysia and its neighbouring countries did not contribute to the hazy skylines.

It said all its stations nationwide had been monitoring levels of air pollution and visibility was still good at well above the 10km mark.



# BOAT TRAGEDY NO.2

 **One dead, seven missing after boat capsizes off Tanjung Sepat**

 **21 still missing in first boat accident, 13 dead so far**

BY CHARLES RAMENDRAN  
newsdesk@thesundaily.com

**P**ORT KLANG: A second boat carrying 27 Indonesian illegal immigrants sank at Tanjung Sepat near here, leaving one dead and seven missing just hours after another vessel overloaded with 97 foreigners capsized off Pulau Carey on Wednesday.

It was a similar case to that on Wednesday where the foreigners, all believed to be illegal immigrants, were on a journey to Aceh days ahead of Ramadan.

The small single-hull boat that was carrying thrice its capacity ran into troubled waters due to strong winds just two hours after it left the shores of Morib at 3am on Wednesday.

The victims, who are in their 20s to 40s, were thrown into the waters after it overturned near the Api Gila lighthouse, about 10 nautical miles off the shores of Tanjung Sepat.

It was not until about 28 hours later that 19 of them were rescued by three passing merchant ships and personnel of the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) between 9am and 5pm yesterday.

MMEA director of

operations Commander Hamid Mohd Amin said yesterday 19 survivors, including two women - one of whom is seven months pregnant - were holding on to flotsam such as baggage, jerry cans and wood to stay afloat.

He said the victims managed to draw the attention of three passing foreign merchant ships en route from the north to Singapore that went to their aid.

He said officers of the merchant ships alerted the MMEA soon after and it dispatched several rescue boats to the area.

Hamid said an MMEA helicopter was also sent to winch four victims including the pregnant woman who suffered injuries. They were sent to the Sungai Buloh and Klang hospitals for treatment.

He said the merchant ships had initially rescued 16 men and two women and at about 5pm, MMEA personnel on a search mission for the missing spotted another survivor and a drowned victim not far from where the boat capsized.

It is learnt that a two-year-old child of the pregnant woman was among those still missing.

"The search for the missing

**TURN TO PAGE 02**

## Four more bodies recovered

► FROM FRONT PAGE

seven victims is ongoing. Our search boats and two helicopters are scouring a 10 nautical mile radius for them," Hamid said at a press conference at the MMEA base in Port Klang.

"Their boat capsized just about two hours after the earlier case off Pulau Carey and they were clinging on for their lives until they were rescued more than a day later.

"We believe the boat was hit by strong winds. We are also checking if they had bought their ride from the same agents behind the earlier case."

Apart from those sent to the hospitals, those rescued were brought to the base where they were given a check-up and

food.

Hamid said the MMEA will investigate them accordingly under immigration and anti-human trafficking laws before deciding on the next course of action.

Rescuers found four more bodies in the waters off Sungai Air Hitam, believed to be victims of the boat that capsized earlier. This brings to 13 the number of those confirmed dead with 21 still missing and 63 survivors.

Meanwhile, in advisory yesterday, the Meteorological Department warned of strong winds and rough seas until Sunday in the northern Straits of Malacca.

This condition, it said, is dangerous to small craft, recreational sea activities and sea sports.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 20 JUN 2014 (JUMAAT)



## Gempa Kuat Landa Kepulauan Vanuatu

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter melanda Kepulauan Vanuatu pukul 6.18 petang ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini, pusat gempa terletak 319 kilometer di tenggara Lata, Kepulauan Solomon dan 5,686 kilometer di tenggara Semporna, Sabah.

Gempa itu bagaimanapun tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (FEATURE) : MUKA SURAT 14  
TARIKH : 20 JUN 2014 (JUMAAT)

National Science Centre  
worth a visit for all

# Hands-on science

By VIJENTHI NAIR  
vijenthi@thestar.com.my



**M**Y last trip to the National Science Centre in Bukit Kiara Kuala Lumpur was during primary school and it was filled with much anticipation and excitement.

More than 15 years on, as I walk down the same path, I have mixed feelings.

Although I cannot remember much about my previous visit, the place did not look inviting for adults but the children, mostly preschoolers, looked like they were having a wonderful time.

From the ticketing counter, as I walked to the main exhibition area, Malaysia's first overhead freshwater aquarium dominated by catfish and pacu greeted me with bright eyes.

Many of the visitors stopped to get a better look at the fishes and find more information about them from the interactive board below.

I was told that there are 32 species of fish, including an Alligator Gar behind the rocks, although it did not seem so.

But after a closer look, I spotted more fishes like *kaloi*, Isok barb, Rohu, Javanese barb and river carp swimming in the back, while a river stingray rested on a big rock.

Perhaps a better time to spot the variety of fish available would be at 11am on weekends during feeding time.

The next stop was the Wonderspark where the elements of nature like water, light and wind are introduced through interactive exhibits.

My personal favourite was the air drum that shoots the target of small disks set about 10ft away. After aiming at the disks, every hit of the drum will push the invisible molecules towards the target and shake it to prove the existence of air.

There were many other interactive exhibits but I was not sure how they worked and no personnel was available to provide advice.

Over at the Pathway to Science, there were many hands-on exhibits to explain more about biology, physics, chemistry, earth science and astronomy.

A group of kindergarten children was having a lot of fun at the time of my visit.

From my observation, I could see that these children were very interested in the human anatomy and biology.

There was also a mini eight-seat



er 3D theatre inside the area, which gave visitors a feel of an underwater submarine ride.

The television placed in front showed the beauty of the underwater world while the "submarine" made the experience more realistic by shaking it a little bit.

More science and mathematics games can be found on the same floor.

Some had missing pieces and there were no clear instructions, adding to the confusion.

Many just randomly tried the games to find out what they were about.

The children got help from their parents to explain how the games worked.

Azlina Abdullah, who brought her two children, was complaining about the lack of assistance at the science centre.

"We were driving past one day and my children asked me about this place. I told them that it is NSC and that I will bring them here one day."

"The place is not well maintained and there is no one here to help explain to the children," she said.

If one is lucky, one can witness a random science demonstration taking place.

There were two more sections on Level Two.

The walls on the way up were lined with a brief history of the centre. However, upon entering the exhibition area, the stale air was overwhelming.

I briefly walked through the "Flight" and "Thinking Machine" exhibits and found many of the items had either malfunctioned or under repair.

I ended my visit at the Outdoor Science Wonderland located just outside the main building.

A shaded walkway led me there. Inside, I was greeted by fluttering butterflies.

Some were tame enough to let me take close-up shots.

A small pond with water lilies and Japanese Carp, with a bridge cutting across, was a pretty sight



- 1 A variety of catfish, including the albino catfish, swimming in a tank at the entrance.
- 2 An overall view of the play and show area on the first floor.
- 3 Given the number of butterflies, close-up shots of butterflies can be taken easily.
- 4 A child trying to fix the organs correctly in the human anatomy model at the biology section of the 'Pathway to Science' corner.
- 5 As the object gets sucked into the tube, children learn about vacuum as the hands-on interactive exhibit allows them to try it themselves.
- 6 Children engrossed in a science demonstration held at random all day.



# JUTAWAN UBAT RACUN

■ Rahsia usahawan terkenal miliki pendapatan puluhan ribu, rumah banglo terbongkar

Oleh Mohd Jamil Anbia Md  
Denin dan Asmah Rusman  
am@hmetro.com.my  
Sungai Besoh

**D**ia pernah menulis buku dan muncul di televisyen untuk memberi ceramah keusahawanan, menjadikannya seorang ikon usahawan dengan nilai pendapatan puluhan ribu sebulan.

Namun, segala rahsia lelaki berusia 50-an yang juga tauke ubat kuat itu terbongkar apabila rumah banglo mewahnya di sini diserbu semalam kerana produk jualanannya didapati mengandungi racun terlarang dan dijual tanpa kebenaran.

Ketika serbuan dilakukan kira-kira jam 10 pagi, terdapat beberapa kenderaan mewah di rumah lelaki itu, antaranya sebuah kereta BMW, sebuah motosikal berkuasa tinggi dan kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Estima.

Serbuan diketuai Ketua Bahagian Penguat Kuasa Farmasi (BPF) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Selangor Adnan Salimin, dibantu sepasukan pegawai Cyber Security Malaysia dan anggota polis Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (ISJN) Selangor.

Adnan berkata, serbuan dilakukan selepas pihaknya mendapati kapsul perangsang seks jenama Vimax dan steroid yang dijual lelaki itu mengandungi Sildenafil dan steroid.

Menurutnya, lelaki itu dipercayai menjalankan kegiatannya sejak lebih empat tahun lalu dan urus niaga jualan dilakukan secara agresif melalui Internet dengan rangkaian pengedar di seluruh negara.

"Selain serbuan di rumah lelaki itu, kami melakukan serbuan di dua rumah pengedar produk yang sama di Shah Alam dan Cheras. Hasilnya, kami merampas produk ubat rangsangan seks yang dianggarkan bernilai RM200,000," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, suspek ditahan selepas penguat kuasa BPF menyamar sebagai pelanggan dan membuat tempahan pembelian sebelum memintanya menghantar produk ke sebuah stesen minyak.

"Dia yang menyerahkan sampel botol kapsul Vimax berharga kira-kira RM80 itu kemudian ditahan dan pemeriksaan lanjut di rumahnya membawa kepada penemuan dua kotak berisi beberapa botol kapsul produk seks diharamkan itu," katanya.

Menurutnya, siasatan mendapati suspek menjalankan perniagaan dari rumahnya dengan mengambil tempahan melalui Internet, WhatsApp, Facebook dan panggilan telefon daripada pelanggan.

"Pegawai Cyber Security Malaysia juga mendapati lelaki terbabit menggunakan laman sesawang di daftarkan di luar negara un-

tuk menjalankan perniagaan menjual produk yang didakwa dihasilkan daripada herba.

"Lelaki itu terkesan turut menggunakan alamat berbeza membabitkan sebuah pangsapuri kos rendah bagi mengelirukan pihak berkuasa yang melakukan siasatan," katanya.


Menurutnya, BPF mendapatkan bantuan kepakaran pegawai penyiasat Cyber Security Malaysia untuk mendapatkan bukti data penjualan melalui komputer dan telefon bimbit milik suspek.

"Berdasarkan risikan, produk beracun itu tidak dijual secara terbuka kepada orang ramai. Malah, ia dijual dengan harga agak mahal iaitu sekitar RM200 sebotol.

"Dia sengaja memperdaya orang ramai dengan mendakwa produk itu diimport dari Kanada. Namun, siasatan kami mendapati produk itu tidak pernah di daftarkan oleh mana-mana syarikat atau mendapat kelulusan daripada KKM sebelum ini," katanya.

Adnan berkata, produk berkenaan sudah menjalani ujian kimia di makmal KKM dan disahkan mengandungi kimia Sildenafil.

"Bahan kimia ini yang di-



ANGGOTA penguat kuasa memasukkan ubat yang mengandungi racun ke dalam kotak



UBAT kuat yang dirampas KKM.

ambil tanpa kawalan dan nasihat pakar perubatan boleh menyebabkan penggunaanya

kehilangan penglihatan dan pendengaran, mengalami degupan jantung yang tidak terkawal selain kematian secara mengejut.

"Selain itu, KKM mengesyaki satu lagi produk kapsul dengan jenama Pacak Langit turut memiliki kimia ber-

bahaya sama," katanya.

Beliau berkata, produk herba jenama Moze Herbs dijual lelaki terbabit turut disahkan mengandungi kimia steroid yang boleh menyebabkan kesan bahaya kegagalan jantung untuk berfungsi.